

Bil. S 28

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

**PERINTAH PERBADANAN BERKANUN
(SUMBANGAN KEPADA KUMPULANWANG YANG DISATUKAN), 2016**

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran dan gelaran panjang
2. Tafsiran
3. Menteri boleh menghendaki pembayaran ke dalam Kumpulanwang Yang Disatukan
4. Pindaan Jadual

JADUAL – PERBADANAN BERKANUN TERTENTU

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH PERBADANAN BERKANUN

(**SUMBANGAN KEPADA KUMPULANWANG YANG DISATUKAN**), 2016

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan gelaran panjang

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perbadanan Berkanun (Sumbangan kepada Kumpulanwang Yang Disatukan), 2016.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah “Suatu Perintah untuk mengadakan peruntukan bagi pembayaran ke dalam Kumpulanwang Yang Disatukan wang daripada dana perbadanan berkanun tertentu”.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

“Kumpulanwang Yang Disatukan” bermakna Kumpulanwang Yang Disatukan yang ditubuhkan di bawah Perkara 58 dari Perlembagaan;

“perbelanjaan” bermakna segala perbelanjaan yang dilakukan dengan sepatutnya oleh suatu perbadanan berkanun tertentu dalam melaksanakan tugas-tugas dan kewajipan-kewajipannya;

“dana” termasuk semua dana dan rizab am dan khas di bawah kawalan atau pengurusan suatu perbadanan berkanun tertentu, selain daripada dana yang diwujudkan bagi perakaunan wang yang tertakluk kepada suatu amanah;

“Menteri” bermakna Menteri Kewangan;

“hasil” termasuk semua wang yang diterima oleh atau terakru kepada suatu perbadanan berkanun tertentu selain daripada wang yang tertakluk kepada suatu amanah;

“perbadanan berkanun tertentu” bermakna mana-mana organisasi, pihak berkuasa atau perbadanan yang dinyatakan dalam Jadual.

Menteri boleh menghendaki pembayaran ke dalam Kumpulanwang Yang Disatukan

3. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam Jadual, Menteri boleh, dengan notis secara bertulis, menghendaki mana-mana perbadanan berkanun tertentu untuk membayar ke dalam Kumpulanwang Yang Disatukan dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu —

(a) kesemua atau sebahagian dari lebihan hasil daripada perbelanjaan perbadanan berkanun itu dalam mana-mana tahun kewangan; dan

(b) kesemua atau sebahagian dari amaun dalam dana perbadanan berkanun itu yang, pada pendapat Menteri, tidak dikehendaki bagi melaksanakan tugas-tugas dan kewajipan-kewajipannya.

Pindaan Jadual

4. Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, meminda Jadual.

JADUAL
(bab-bab 2, 3 dan 4)

PERBADANAN BERKANUN TERTENTU

<i>Perbadanan berkanun</i>	<i>Undang-undang bertulis yang di bawahnya ditubuhkan atau dibentuk</i>
----------------------------	---

Pihak Berkuasa Industri Teknologi
Info-Komunikasi Negara Brunei
Darussalam

Perintah Pihak Berkuasa Industri
Teknologi Info-Komunikasi Negara
Brunei Darussalam, 2001 (S 14/2002)

Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei

Akta Lembaga Kemajuan Ekonomi
Brunei (Penggal 104)

Perbadanan Tabung Amanah Islam
Brunei

Akta Perbadanan Tabung Amanah
Islam Brunei (Penggal 163).

Diperbuat pada hari ini 11 haribulan Rejab, Tahun Hijrah 1437 bersamaan dengan 19 haribulan April, 2016 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM